

03/01/2002

Royal Mint buka peluang niaga

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Mohd Anwar Patho Rohman; Badrila Jamlus SHAH ALAM, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sistem francais yang diperkenalkan The Royal Mint of Malaysia (Royal Mint) dalam bidang kewangan akan membuka peluang perniagaan kepada kakitangan perbankan yang ditawarkan skim pemberhentian sukarela (VSS).

Perdana Menteri berkata, beliau yakin pengalaman dan kemahiran yang ada pada mereka dapat digunakan sepenuhnya dalam sektor perniagaan berkaitan.

"Proses gabungan beberapa bank memaksa ramai kakitangan mengambil VSS. Jadi, sementara menunggu ganjarannya, pengalaman mereka boleh digunakan dalam perniagaan tertentu," katanya ketika berucap pada majlis Hari Raya Royal Mint di sini, hari ini.

Sistem francais yang diperkenalkan Royal Mint merangkumi tiga skim iaitu dalam bidang kewangan, insurans dan pembrokeran saham, peruncitan produk cenderamata dan kraftangan.

Projek perintis bagi sistem francais baru itu akan dimulakan Mac ini, dengan anggaran pembabitan lebih 2,000 orang tahun ini.

Royal Mint, syarikat kembar Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd, diberi mandat oleh kerajaan untuk mengeluarkan wang syiling negara.

Penubuhannya adalah ekoran keputusan kerajaan menswastakan operasi pengeluaran wang syiling Bank Negara yang sebelum ini dikenali sebagai Jabatan Kilang Wang Bank Negara Malaysia.

Dr Mahathir berkata, Royal Mint menyediakan perniagaan francais kepada rakyat Malaysia untuk menjual produknya termasuk syiling peringatan.

"Selaras dengan usaha kerajaan untuk melahirkan lebih ramai golongan usahawan, sistem francais itu mampu membuka peluang kepada orang awam untuk membabitkan diri dalam bidang keusahawanan.

"Nampaknya rancangan baru ini akan memberi peluang kepada golongan Bumiputera dan bukan Bumiputera untuk membabitkan diri dalam agihan wang dan perkhidmatan kewangan yang diperkenalkan Royal Mint.

"Saya harap rancangan ini akan mendapat sambutan dari mereka yang benar-benar serius untuk membabitkan diri dalam bidang keusahawanan," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut diberi taklimat tertutup oleh pengurusan Royal Mint mengenai operasi kilang berkenaan.

Beliau kemudian menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak kakitangan Royal Mint, kanak-kanak dari Rumah Peyakin, Meru dan Rumah Anak Yatim Batu Belah, Kapar.

Turut hadir Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo; Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan Pengarah Urusan Royal Mint, Datuk Megat Wahab Megat Abu Bakar.

Sejak mengambil alih operasi daripada kerajaan setahun lalu, Royal Mint telah mengeluarkan 821,561,000 wang syiling dalam edaran dan daripada jumlah itu, 224,963,000 adalah wang syiling satu sen, 97,456,000 (lima sen), 241,140,000 (10 sen), 219,880,000 (20 sen) dan 38,122,000 (50 sen).

Royal Mint mempunyai 14 mesin yang mampu mengeluarkan sehingga 5.5. juta syiling dalam pelbagai denominasi sehari.

(END)